



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN PELAN PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (P3PK) 2023-2027

---

**KUALA LUMPUR, 21 MAC 2023** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melancarkan Pelan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil (P3PK) 2023-2027 yang menggariskan strategi dan inisiatif penambahbaikan bagi pembangunan serta pemeraksanaan komuniti penjaja dan peniaga kecil di Malaysia.

Bertemakan ‘**Memacu Kelestarian Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Melalui Persekitaran Kondusif dan Holistik**’, P3PK 2023-2027 merupakan suatu dokumen perancangan strategik KUSKOP untuk tempoh lima (5) tahun yang akan datang bagi memperkasa pembangunan serta menambahbaik tahap sosioekonomi komuniti penjaja dan peniaga kecil. Perancangan strategik ini telah dirangka berpaksikan lima (5) teras utama dan diperkukuhkan dengan 17 strategi serta 29 inisiatif yang mampu memberikan nilai tambah kepada usaha pembangunan kumpulan penjaja dan peniaga kecil diseluruh negara.

KUSKOP telah mengadakan sesi libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta wakil-wakil Persatuan Penjaja dan

Peniaga Kecil dari pelbagai pertubuhan bagi mendapatkan perspektif dalam penyediaan P3PK 2023-2027.

YB Menteri KUSKOP, Datuk Ewon Benedick telah melancarkan P3PK 2023-2027 semasa Majlis Perasmian Program Pembangunan Kapasiti Penjaja dan Peniaga Kecil di Menara Pernas, Kuala Lumpur pada 21 Mac 2023. Semasa program berkenaan, seramai 150 orang peserta terdiri daripada kumpulan penjaja dan peniaga kecil telah menghadiri seminar pengurusan perniagaan seperti Seminar Urus Tunai, Taklimat Program Business-In-Transformation (BIT) dan lain-lain lagi yang disampaikan oleh agensi-agensia Kementerian.

Inisiatif menerusi P3PK bakal menghasilkan kerjasama yang lebih erat dan menjamin kesejahteraan insan berteraskan konsep Malaysia MADANI. Ini dapat meningkatkan taraf hidup rakyat sekaligus mempercepatkan dan merealisasikan transformasi sosioekonomi negara ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

---

*Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:  
Datin Suriani Abdul Rahman  
Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Tel: 03-8883 6152 Emel: surianiar@kuskop.gov.my*

